



1 Disember 2023
1 December 2023
P.U. (A) 369

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN
(PENGURUSAN PERSENDIRIAN) (PUNGUTAN TOL)
(LEBUH RAYA SETIAWANGSA-PANTAI) (PINDAAN) 2023

*FEDERAL ROADS
(PRIVATE MANAGEMENT) (COLLECTION OF TOLLS)
(SETIAWANGSA-PANTAI EXPRESSWAY) (AMENDMENT)
ORDER 2023*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN)
(PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA SETIAWANGSA-PANTAI) (PINDAAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [*Akta 306*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuh Raya Setiawangsa-Pantai) (Pindaan) 2023**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 3 Disember 2023.

Pindaan perenggan 2

2. Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuh Raya Setiawangsa-Pantai) 2022 [*P.U. (A) 38/2022*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dengan menggantikan perenggan 2 dengan perenggan yang berikut:

“Pemberikuasaan untuk memungut tol

2. (1) Lebuhraya DUKE Fasa 3 Sdn. Bhd. diberi kuasa—

(a) bagi tempoh dari 1 Mac 2022 hingga 4 Ogos 2079 untuk meminta, memungut dan menyimpan tol yang berkenaan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama bagi penggunaan ke mana-mana arah, oleh kelas kenderaan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama, mana-mana bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuh Raya Setiawangsa-Pantai yang bermula dari laluan utama di kilometer 16.40 di koordinat U 352706.499, T 415985.744 Grid Bentuk Serong Ditepati (RSO) Geosentrik Datum Malaysia (GDM2000) dan berakhir

di kilometer 20.67 di koordinat U 355959.040, T 415610.971 Grid RSO GDM2000, termasuk sebahagian Persimpangan Bertingkat Setiawangsa dan keseluruhan Persimpangan Bertingkat Genting Kelang, Tanjakan Masuk Genting Kelang, Persimpangan Bertingkat Taman Melati, Plaza Tol Wangsa Maju serta jalan-jalan sambungannya, iaitu suatu jarak sepanjang 4.27 kilometer; dan

- (b) bagi tempoh dari 3 Disember 2023 hingga 4 Ogos 2079 untuk meminta, memungut dan menyimpan tol yang berkenaan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama A bagi penggunaan ke mana-mana arah, oleh kelas kenderaan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama A, mana-mana bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuhraya Setiawangsa-Pantai yang bermula dari laluan utama di kilometer -0.031 di koordinat U 345048.296, T 407457.781 Grid RSO GDM2000 dan berakhir di kilometer 16.400 di koordinat U 352706.498, T 415985.744 Grid RSO GDM2000, termasuk sebahagian Persimpangan Bertingkat Kerinchi, Tanjakan Masuk dan Keluar di Jalan Kelang Lama, Persimpangan Bertingkat Salak, Persimpangan Bertingkat Pandan, Persimpangan Bertingkat Ampang, Persimpangan Bertingkat Setiawangsa, Plaza Tol Chan Sow Lin, Plaza Tol Ampang, Plaza Tol Setiawangsa serta jalan-jalan sambungannya, iaitu suatu jarak sepanjang 15.711 kilometer.

(2) Jalan yang dinyatakan—

- (a) dalam subsubperenggan (1)(a) yang bagi penggunaannya tol dibenarkan diminta, dipungut dan disimpan ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua; dan

- (b) dalam subsubperenggan (1)(b) yang bagi penggunaannya tol dibenarkan diminta, dipungut dan disimpan ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua A.”.

Pindaan Jadual Pertama

3. Perintah ibu dipinda dalam kepala Jadual Pertama dengan menggantikan perkataan “Subperenggan 2(1)” dengan perkataan “Subsubperenggan 2(1)(a)”.

Jadual baharu Pertama A

4. Perintah ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Pertama jadual yang berikut:

"JADUAL PERTAMA A

[Subsubperenggan 2(1)(b)]

KADAR TOL BAGI TEMPOH DARI 3 DISEMBER 2023 HINGGA 4 OGOS 2079
BAGI PLAZA TOL CHAN SOW LIN, PLAZA TOL AMPANG
DAN PLAZA TOL SETIAWANGSA

(1) <i>Kelas Kenderaan</i>	(2) <i>Tol Kena Dibayar (RM)</i>		
	Plaza Tol Chan Sow Lin	Plaza Tol Ampang	Plaza Tol Setiawangsa
1. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan tiga atau empat roda (tidak termasuk teksi dan bas)	3.50	3.50	3.50
2. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan lima atau enam roda (tidak termasuk bas)	7.00	7.00	7.00
3. Kenderaan yang mempunyai tiga gandar atau lebih (tidak termasuk bas)	10.50	10.50	10.50
4. Teksi	1.80	1.80	1.80
5. Bas	3.50	3.50	3.50

Bagi maksud mengira bilangan gandar dan roda sesebuah kenderaan, gandar dan roda mana-mana treler yang ditarik oleh kenderaan itu hendaklah dikira sebagai sebahagian daripada gandar dan roda kenderaan itu.”.

Pindaan Jadual Kedua


5. Perintah ibu dipinda dalam kepala Jadual Kedua dengan menggantikan perkataan “Subperenggan 2(2)” dengan perkataan “Subsubperenggan 2(2)(a)”.

Jadual baharu Kedua A

6. Perintah ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Kedua jadual yang berikut:

“JADUAL KEDUA A

[Subsubperenggan 2(2)(b)]



Dibuat 30 November 2023
[KKR.PUU.110-1/7/44; PN(PU2)426/JLD. 72]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
Menteri Kerja Raya

FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT) ACT 1984

FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT) (COLLECTION OF TOLLS)
(SETIAWANGSA-PANTAI EXPRESSWAY) (AMENDMENT) ORDER 2023

IN exercise of the powers conferred by section 2 of the Federal Roads (Private Management) Act 1984 [*Act 306*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Federal Roads (Private Management) (Collection of Tolls) (Setiawangsa-Pantai Expressway) (Amendment) Order 2023**.

(2) This Order comes into operation on 3 December 2023.

Amendment of paragraph 2

2. The Federal Roads (Private Management) (Collection of Tolls) (Setiawangsa-Pantai Expressway) Order 2022 [*P.U. (A) 38/2022*], which is referred to as the “principal Order” in this Order, is amended by substituting for paragraph 2 the following paragraph:

“Authorization to collect tolls

2. (1) Lebuhraya DUKE Fasa 3 Sdn. Bhd is authorized—

(a) for the period from 1 March 2022 to 4 August 2079 to demand, collect and retain the appropriate tolls specified in column (2) of the First Schedule for the use in either direction, by the classes of vehicles specified in column (1) of the First Schedule, of any part of the road known as the Setiawangsa-Pantai Expressway commencing from the main line at kilometre 16.40 at coordinates N 352706.499, E 415985.744 of the Rectified Skew Orthomorphic (RSO) Geocentric Datum of Malaysia (GDM2000) Grid and ending at kilometre 20.67

at coordinates N 355959.040, E 415610.971 of the RSO GDM2000 Grid, including part of Setiawangsa Interchange and entire Genting Kelang Interchange, Genting Kelang On Ramp, Taman Melati Interchange, Wangsa Maju Toll Plaza as well as its link roads, being a distance of 4.27 kilometres; and

- (b) for the period from 3 December 2023 to 4 August 2079 to demand, collect and retain the appropriate tolls specified in column (2) of the First A Schedule for the use in either direction, by the classes of vehicles specified in column (1) of the First A Schedule, of any part of the road known as the Setiawangsa-Pantai Expressway commencing from the main line at kilometre -0.031 at coordinates N 345048.296, T 407457.781 of the RSO GDM2000 Grid and ending at kilometre 16.400 at coordinates N 352706.498, E 415985.744 of the RSO GDM2000 Grid, including part of Kerinchi Interchange, On and Off Ramps at Jalan Kelang Lama, Salak Interchange, Pandan Interchange, Ampang Interchange, Setiawangsa Interchange, Chan Sow Lin Toll Plaza, Ampang Toll Plaza, Setiawangsa Toll Plaza as well as its link roads, being a distance of 15.711 kilometres.

(2) The roads specified—

- (a) in subparagraph (1)(a) for the use of which tolls are authorized to be demanded, collected and retained are shown on the map in the Second Schedule; and
- (b) in subparagraph (1)(b) for the use of which tolls are authorized to be demanded, collected and retained are shown on the map in the Second A Schedule.”.

Amendment of First Schedule

3. The principal Order is amended in the heading of the First Schedule by substituting for the words “Subparagraph 2(1)” the words “Subsubparagraph 2(1)(a)”.

New First A Schedule

4. The principal Order is amended by inserting after the First Schedule the following schedule:

"FIRST A SCHEDULE

[Subsubparagraph 2(1)(b)]

RATES OF TOLLS FOR THE PERIOD FROM 3 DECEMBER 2023 TO 4 OGOS 2079
FOR CHAN SOW LIN TOLL PLAZA, AMPANG TOLL PLAZA
AND SETIAWANGSA TOLL PLAZA

(1) <i>Classes of Vehicles</i>	(2) <i>Toll Payable</i> <i>(RM)</i>		
	Chan Sow Lin Toll Plaza	Ampang Toll Plaza	Setiawangsa Toll Plaza
1. Vehicles having two axles and three or four wheels (excluding taxis and buses)	3.50	3.50	3.50
2. Vehicles having two axles and five or six wheels (excluding buses)	7.00	7.00	7.00
3. Vehicles having three axles or more (excluding buses)	10.50	10.50	10.50
4. Taxis	1.80	1.80	1.80
5. Buses	3.50	3.50	3.50

For the purpose of calculating the number of axles and wheels of a vehicle, the axles and wheels of any trailer towed by the vehicle shall be calculated as part of the axles and wheels of the vehicles.”.


Amendment of Second Schedule

5. The principal Order is amended in the heading of the Second Schedule by substituting for the words “Subparagraph 2(2)” the words “Subsubparagraph 2(2)(a)”.

New Second A Schedule

6. The principal Order is amended by inserting after the Second Schedule the following schedule:

“SECOND A SCHEDULE
[Subsubparagraph 2(2)(b)]



Made 30 November 2023
[KKR.PUU.110-1/7/44; PN(PU2)426/JLD. 72]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
Minister of Works